



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

21 Apr 2021 (Rabu)

Berita Harian

Seri Paduka, Tunku Azizah ucap takziah kepada Sultan Selangor 1
Bandar rendah karbon menuntut komitmen semua pihak 2

Utusan Malaysia

LIPATAN SEJARAH 3

Harian Metro

Ayahanda Tengku Permaisuri Selangor meninggal dunia 4

Kosmo

Ayahanda Tengku Permaisuri Selangor meninggal dunia 5
Ingatkan patuhi SOP semasa melancong 6
Pemeriksaan pendigitalan aplikasi mudahkan urusan 7

Sinar Harian

Jenazah ayahanda Tengku Permaisuri Selangor selamat dikebumi 8
PPAS anjur World #QuranHour konsep hibrid 9
MDKS pandang serius lukisan mencolok mata 10

The Star

COUNCIL MATTERS 11
Villagers seek settlement for uncompleted homes 12
In recognition of excellent work 13
RM5mil matching grants for SMEs 14
Do more to accelerate vaccine rollout, says Anwar 15

New Straits Times

Selangor appoints Finexus Cards as digital service provider 16

China Press

15 Chinese schools in Klang have reported Covid-19 infections; Attendance rate of some schools are low 17
Ng Sze Han : State government stands firm with its stance; Will not accept ECRL North route 18

Sin Chew Daily

The Selangor government proposed to the education department that 19 schools in PJ must be closed. 19

Guang Ming Daily

Death of Sultanah's father 20
Selangor MB: To curb the worsening of the epidemic, it is recommended to close the 19 schools in PJ for 7 days 21
State governments have been delayed in buying vaccines, the failed government was unable to fight the pandemic 22

Kwong Wah Yit Poh

Anwar urges the establishment of an independent investigation team to find out why the vaccine process is slow 23



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
21 April 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Seri Paduka, Tunku Azizah ucap takziah kepada Sultan Selangor
Muka Surat	:	4

Seri Paduka, Tunku Azizah ucap takziah kepada Sultan Selangor

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan ucapan takziah kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin atas kembalinya ke Rahmatullah ayahanda Tengku Permaisuri Selangor, Allahyarham Abdul Rahman Baba, 89, semalam.

Ucapan yang sama turut dirakamkan oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menerusi kenyataan yang di muat naik menerusi laman sosial Facebook Istana Negara.

Menerusi kenyataan itu, Seri

Paduka baginda berdua turut menzahirkan rasa sedih di atas pemergian Allahyarham dan menzahirkan harapan agar seluruh keluarga Allahyarham sabar serta tabah menghadapi suasa sedih dan pilu ini.

Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah mendoakan agar roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah SWT dan ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman.

Terdahulu, Istana Selangor menerusi satu hantaran di laman Instagram Selangor Royal Official, memaklumkan bahawa Abdul Rahman meninggal dunia akibat sakit tua, pada jam 3.40 pagi semalam. **BERNAMA**



Sultan Sharafuddin menyiram air mawar ke atas pusara Abdul Rahman sambil diperhatikan Tengku Permaisuri Norashikin di Makam Diraja Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)



KERATAN AKHBAR

21 April 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bandar rendah karbon menuntut komitmen semua pihak
Muka Surat	:	12

Bandar rendah karbon menuntut komitmen semua pihak



Oleh Prof Madya Dr Nor Kalsum Mohd Isa
 bhrencana@bh.com.my

Bandar rendah karbon mempunyai masyarakat menggunakan teknologi hijau, mempraktikkan amalan hijau dan rendah karbon.

Bandar berkenaan dari semasa ke semasa mampu mengurangkan pelepasan karbon, sekali gus meminimumkan kesan buruk kepada perubahan iklim.

La pendekatan penting dalam perancangan dan reka bentuk persekitaran bandar untuk menjadikan sesebuah perbandaran lebih lestari, selesa dan kondusif.

Pelaksanaan bandar rendah karbon dengan memberi penekanan kepada perancangan reka bentuk pasif dan aktif serta mengaplikasikan teknologi hijau dilaksanakan di beberapa negara seperti Singapura.

La berjaya membantu negara terbahit mengurangkan pelepasan karbon, kesan pulau haba dan mewujudkan kualiti persekitaran hidup lebih baik.

Perancangan berkarbon rendah seperti penyediaan lebih banyak kawasan hijau, memanfaatkan sumber semula jadi dengan efektif dan pada masa sama menggunakan sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharui.

La juga mengguna pakai konsep 5R, iaitu 'refuse, reduce, reuse, repurpose and recycle' dalam aktiviti harian mampu menjadikan misi bandar rendah karbon ini berjaya.

Bandar Baru Bangi menjadi bandar perintis melaksanakan projek bandar rendah karbon di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ). MPKJ menetapkan sasaran pada 2035 kelak, bandar itu akan berjaya mengurangkan 45 peratus pelepasan karbon berbanding 2017.

Melalui kerjasama pelbagai pihak, Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 dihasilkan yang diketuai saya sendiri dan rakan perunding, iaitu Dr Noor Fazamimah Mohd Ariffin dan Prof Madya Dr Mohd Yazid Mohd Yunus daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Abdul Hamid Akub daripada AHA Planning Consultant Sdn Bhd.

La juga mendapat sokongan penuh daripada Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan

Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Mohd Hairy Ibrahim.

Penyediaan pelan tindakan ini juga membabitkan perbincangan kumpulan sasaran dilaksanakan bersama wakil komuniti dan wakil agensi termasuk ahli majlis, GreenTech Malaysia, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Perancangan teliti dibuat berdasarkan tiga prinsip utama, iaitu menjadikan Bandar Baru Bangi sebagai bandar rendah karbon selesa didiami, mempunyai masyarakat membudayakan amalan rendah karbon serta mengadaptasi konsep perbandaran pintar.

Sebanyak sembilan strategi utama dan 168 program dirangka dalam pelan tindakan terbahit berdasarkan empat elemen utama, iaitu persekitaran bandar, pengangkutan bandar, infrastruktur bandar dan bangunan untuk mencapai sasaran pengurangan sebanyak 45 peratus pelepasan karbon pada 2035.

MPKJ memulakan projek rintis bandar rendah karbon ini di pusat bandar, Bandar Baru Bangi sejak 2018 dengan mengambil kira 2017 sebagai tahun asas. Antara strategi dilaksanakan, penanaman pokok dan landskap serta menguruskan sisa secara lestari dengan menjalankan program kitar semula.

Selain itu, menghasilkan kompos daripada sisa makanan, mengitar semula minyak masak, mengadakan kempen kesedaran dan hari tanpa kenderaan.

Pada akhir 2018, projek rintis ini berjaya mengurangkan pelepasan karbon hingga 43.55 peratus dan

mendapat pengiktirafan pensijilan Low Carbon City Framework (LCCF) dengan memperoleh empat 'diamond' oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Penurunan itu bukan sahaja menunjukkan jumlah karbon berjaya dikurangkan melalui pelaksanaan perbandaran rendah karbon, bahkan menjadi petunjuk kelestarian biodiversiti dan ekosistem meningkat kepada tahap lebih baik.

La juga membuktikan wujudnya sikap positif, komitmen dan kerjasama penuh antara MPKJ, agensi terbahit dan komuniti Bandar Baru Bangi dalam setiap program rendah karbon dianjurkan.

Sehingga kini, MPKJ semakin bergerak aktif dan sangat komited dalam pelaksanaan projek perbandaran rendah karbon ini.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta GreenTech Malaysia pula menganjurkan Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (LCC2030C) pada Julai 2019 untuk mempercepatkan transformasi bandar di negara ini ke arah bandar berkarbon rendah.

Hakikatnya, merealisasikan projek bandar rendah karbon bukanlah terlalu sukar sekiranya mendapat komitmen tinggi daripada semua pihak pelaksana. La boleh dimulakan dengan skop dan elemen rendah karbon atau tapak kecil dan mudah untuk dilaksanakan di peringkat awal sebelum ke sasaran lebih besar.

Secara asasnya karbon bandar dinilai daripada empat sumber utama pelepasan karbon operasi dan terkandung, iaitu persekitaran bandar, pengangkutan bandar, infrastruktur bandar dan bangunan.

Selain itu, elemen penyerapan karbon juga diambil kira termasuk landskap hijau dan tumbuhan. Perlu diingat dalam melaksanakan perbandaran rendah karbon, perkara perlu dipertimbangkan adalah memastikan kriteria bandar rendah karbon dipatuhi dan jumlah pelepasan karbon bandar pada tahun sasaran dan seterusnya berkurang berbanding tahun asas.

Di sinilah perlunya pelan tindakan, strategi dan inovasi rendah karbon untuk dilaksanakan dengan baik termasuk melalui penggunaan teknologi hijau.

Suatu sangat penting juga adalah membudayakan amalan rendah karbon dalam kalangan komuniti. Tanpa amalan dan budaya rendah karbon, sasaran tidak dapat dicapai secara optimum walaupun pelbagai teknologi hijau digunakan.

Pengetahuan masyarakat Malaysia mengenai pembangunan rendah karbon agak meningkat berbanding dahulu berdasarkan kajian sedia ada. Namun, apa kita bimbangkan adalah dari segi amalan dan pelaksanaannya masih rendah.

Oleh itu, kesedaran perlu dipupuk kepada masyarakat melalui strategi dan program yang dapat memotivasikan masyarakat untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan bandar rendah karbon ini.

Harapannya, pelaksanaan perbandaran rendah karbon di negara ini semakin baik dari hari ke hari kerana ia juga tuntutan agama. Kita perlu sama-sama menyumbang kepada alam sekitar yang rendah karbon demi kesejahteraan hidup.

Tindakan menuding jari tidak akan membawa keuntungan kepada mana-mana pihak. Usaha ini diharap dapat dikekal dan dipergiatkan supaya hasrat negara untuk muncul sebagai negara sifar karbon pada 2050 akan tercapai sepenuhnya.

Hakikatnya,
 merealisasikan projek
 bandar rendah karbon
 bukanlah terlalu
 sukar sekiranya mendapat
 komitmen tinggi
 daripada semua pihak
 pelaksana





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 April 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	LIPATAN SEJARAH
Muka Surat	:	8

LIPATAN SEJARAH

Kompleks peniaga Melayu Kuala Lumpur dinamakan Wisma Yakin

PADA 21 April 1972, kompleks beli-belah 12 tingkat untuk peniaga Melayu di Jalan Melayu, Kuala Lumpur yang berharga RM4.5 juta akan diberi nama 'Wisma Yakin'.
 Ketika mengumumkan perkara

tersebut, Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris berharap nama itu akan memberikan keyakinan kepada peniaga-peniaga Melayu di situ dalam menghadapi saingan daripada peniaga lain.

ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK:

- **21 April 1970**
Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman meletak batu asas Yayasan Urat Saraf Tunku Abdul Rahman di kawasan Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur.
- **21 April 1972**
Pembentukan kerajaan campuran Perikatan - Parti Progresif Rakyat di Perak berkuatkuasa pada 1 Mei 1972.
- **21 April 1979**
Album M. Daud Kilau abadikan gadis Kelantan dalam lagunya 'Cek Mek Molek'.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
21 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Ayahanda Tengku Permaisuri Selangor meninggal dunia
Muka Surat	:	22

Shah Alam: Ayahanda kepada Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, Abdul Rahman Baba meninggal dunia kerana sakit tua semalam.

Istana Selangor menerusi laman Instagram *Selangor Royal Official* memaklumkan, Allahyarham Abdul Rahman, 89, meninggal dunia jam 3.40 pagi.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari menerusi Facebook rasminya menzahirkan ucapan takziah kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Norashikin di atas pemergian ayahandanya.

"Patik mewakili seluruh lapisan pentadbiran kerajaan negeri dan rakyat negeri Selangor merafak sembah takziah kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Norashikin atas kembalinya ke rahmatullah, Allahyarham Abdul

Ayahanda Tengku Permaisuri Selangor meninggal dunia



SULTAN Sharafuddin Idris Shah Alhaj menyiram air mawar ke atas pusara Allahyarham Abdul Rahman yang dikebumikan di Makam Diraja Shah Alam, semalam.



Kami mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah SWT, diampunkan dosa dan ditempatkan dalam kalangan mukmin yang soleh serta mendapat husnul khatimah. Al-Fatihah

Amirudin Shari

Rahman Baba, ayahanda Tengku Permaisuri Selangor.

"Kami mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah SWT, diampunkan dosa dan ditempatkan dalam kalangan mukmin yang soleh serta mendapat husnul khatimah. al Fatimah," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 April 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Ayahanda Tengku Permaisuri Selangor meninggal dunia
Muka Surat	:	6

Ayahanda Tengku Permaisuri Selangor meninggal dunia

SHAH ALAM - Ayahanda Tengku Permaisuri Selangor, Allahyarham Abdul Rahman Baba meninggal dunia akibat sakit tua di kediamannya di Seksyen 13, di sini semalam.

Allahyarham meninggal dunia pada pukul 3.40 pagi pada usia 89 tahun sebelum jenazahnya dimandi, dikafankan serta disolatkan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Jenazah Allahyarham kemudiannya selamat dikebumikan pukul 2.45 petang di Makam Diraja Shah Alam, Seksyen 5 di sini.

Turut berkenan berangkat ke majlis pengebumian tersebut adalah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang juga bekas Menteri Besar Selangor; Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari dan Pemangku Datuk Bandar Shah



ABDUL RAHMAN

Alam Mohd. Rashidi Ruslan.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dalam kenyataannya menzahirkan rasa takziah atas pemergian ayahanda Tengku Permaisuri Selangor itu.

"Patik mewakili seluruh lapisan pentadbiran kerajaan negeri dan rakyat Selangor merafak sembah takziah kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah dan



TENGGU PERMAISURI NORASHIKIN menabur bunga rampai di pusara ayahandanya sambil diperhatikan Sultan Sharafuddin (belakang) di Makam Diraja Shah Alam, Seksyen 5 di Shah Alam semalam. - IHSAN FACEBOOK AMIRUDIN SHARI

Tengku Permaisuri Norashikin atas kembalinya ke Rahmatullah, Allahyarham Abdul Rahman Baba yang merupakan ayahanda

Tengku Permaisuri Selangor. "Mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah SWT, diampunkan

dosa dan ditempatkan dalam kalangan mukmin yang soleh serta mendapat husnul khatimah. Al-Fatihah," jelasnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 April 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Ingatkan patuhi SOP semasa melancong
Muka Surat	:	21

Ingatkan patuhi SOP semasa melancong

BAGI merencanakan semula pelancongan negeri, Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor mempergiatkan aktiviti promosi pelancongan untuk menaikkan semula industri pelancongan di negeri itu.

Pengurus Besar Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad berkata, tumpuan utama diberikan kepada sektor pelancongan alam semula jadi (eco), sukan, perubatan, pendidikan, pelancongan industri, inap desa dan agro.

Katanya, keutamaan penganjuran kempen promosi dan pengiklanan pula dilakukan melalui platform digital dan dalam talian selain memperkenalkan inisiatif digitalisasi seperti Selangor VR (Virtual Reality) Tourism Experience yang mengetengahkan produk pelancongan di sembilan daerah di Selangor.

"Kita memfokuskan pasaran domestik sebagai pasaran utama pelancongan seperti penganjuran kempen Pusing Selangor Dulu dengan melantik Che Puan Juliana Evans sebagai duta kempen.

"Video promosi itu telah mendapat lebih 500,000 tontonan di YouTube dan Kempen Media Sosial dan Digital pula telah mendapat 15 juta *impression* dan *reach*," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Menurut beliau, pihak Tourism Selangor juga sentiasa menguar-uarkan kepada orang ramai mengenai pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan peraturan memerangi Covid-19 di kawasan-kawasan pelancongan dan tempat awam.

Ujarnya, Tourism Selangor berusaha melakukan penganjuran acara pelancongan norma baharu yang menekankan SOP mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



AZRUL



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

21 April 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pemeriksaan pendigitalan aplikasi memudahkan urusan
Muka Surat	:	30



SALMI NADIA menunjukkan aplikasi SMiK yang memudahkan ahli koperasi melakukan urusan mereka dengan lebih mudah dan mesra pengguna.

Pemeriksaan pendigitalan aplikasi memudahkan urusan

APLIKASI bekerja dari rumah memudahkan majikan memantau setiap apa yang dilakukan pekerja mereka.

Oleh FARID AHMAD TARMIZI

SEJAK sedekad ini, banyak syarikat perkhidmatan teknologi maklumat (IT) wujud di negara ini.

Syarikat-syarikat ini berperanan dalam pembangunan integrasi sistem dan juga pembangunan aplikasi yang memudahkan urusan harian sebuah organisasi serta manusia.

HeiTech Padu Berhad merupakan sebuah syarikat tempatan yang turut memiliki kepakaran tersebut.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan HeiTech Padu Berhad, Salmi Nadia Mohd. Hilmei berkata, pembangunan aplikasi yang dilakukan oleh syarikatnya terbahagi kepada dua iaitu kepada pengguna dan juga untuk keperluan perniagaan.

Menurutnya, antara aplikasi yang dibangunkan terus kepada pengguna adalah sistem parkir pintar dan juga sistem koperasi.

"Bagi aplikasi sistem parkir pintar, kami namakan sebagai Penang Smart Parking. Ia dibangunkan bagi memudahkan pengguna untuk mencari ruang meletakkan kenderaan di Pulau Pinang. Aplikasi ini telah digunakan oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Kedua pula, kami bangunkan aplikasi sistem koperasi yang dinamakan sebagai SMiK dan telah digunakan oleh ahli-ahli koperasi di Indonesia," jelasnya.

Tambahnya, pihaknya juga akan membawa aplikasi tersebut versi Malaysia kerana sudah ada pihak koperasi tempatan yang berminat untuk menggunakan sistem tersebut.

Melalui aplikasi tersebut, ia memudahkan ahli-ahli koperasi melakukan pendaftaran, memohon pinjaman koperasi dan lain-lain lagi dengan hanya menggunakan peranti pintar.

Selain itu, fungsi-fungsi yang dibangunkan di aplikasi itu juga mesra pengguna.

Dalam pada itu, Salmi Nadia menjelaskan, syarikatnya juga tidak ketinggalan untuk membangunkan sistem atau aplikasi untuk keperluan perniagaan.

Antara aplikasi yang dibangunkan itu adalah e-lesen dan ez-bill.

"Kami membangunkan aplikasi untuk keperluan perniagaan kerana melihat pihak berkuasa tempatan (PBT) di Malaysia kini dalam proses ke arah pendigitalan.

"Oleh itu, kami membangunkan sistem yang memudahkan urusan pengguna yang berurusan dengan pihak berkuasa tempatan.

"Misalnya sebelum ini, pengguna perlu ke kaunter untuk urusan pendaftaran ataupun pembaharuan lesen. Tetapi dengan sistem e-lesen urusan itu menjadi mudah kerana boleh dilakukan secara online," katanya.

Tambahnya, buat masa ini Majlis



Ia dibangunkan sewaktu PKP masih belum dilaksanakan di negara ini.

"Pada ketika itu, saya perlu menjalani kuarantin selepas pulang dari Australia atas

Perbandaran

Selayang (MPS) telah menggunakan sistem tersebut. Sementara itu bagi aplikasi ez-bill pula, ia bukan hanya sesuai untuk PBT tetapi turut boleh digunakan oleh syarikat-syarikat yang perlu menghantar penyata bil untuk pengguna membuat pembayaran.

Aplikasi itu melibatkan komunikasi dua hala yang mana di penyata bil tersebut juga turut disediakan dengan fungsi pembayaran.

Ini bermakna, pengguna yang mendapat penyata bil boleh terus membuat bayaran secara online dengan menekan bahagian fungsi pembayaran.

Dalam pada itu, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia juga membolehkan HeiTech Padu membangunkan satu aplikasi bekerja dari rumah yang dinamakan DvocTrac.

Salmi Nadia menjelaskan, Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan telah menyebabkan ramai pekerja perlu bekerja dari rumah.

Oleh itu, dengan aplikasi tersebut majikan dapat mengetahui dan memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh pekerja mereka dengan lebih efisien.

"Aplikasi ini amat dekat di hati saya.

urusan kerja.

"Sewaktu kuarantin, tiada siapa dapat memantau sama ada saya bekerja atau tidak. Daripada situ, saya mendapat idea dan meminta pasukan pembangunan aplikasi membina satu aplikasi untuk tujuan tersebut," katanya lagi.

Aplikasi tersebut siap sepenuhnya sewaktu PKP pertama diadakan pada tahu lalu dan telah digunakan di HeiTech Padu sendiri.

Selain itu, aplikasi ini juga sesuai untuk digunakan oleh syarikat-syarikat lain di luar sana yang berdepan dengan cabaran akibat pandemik Covid-19.

Melalui aplikasi tersebut, setiap pekerja akan mendaftar masuk tempat dan masa mereka bekerja.

Setelah habis waktu bekerja, mereka hanya perlu daftar keluar dan menyatakan tentang apa yang mereka lakukan pada hari itu.

Melalui aplikasi itu juga, pekerja juga harus memberitahu keadaan diri mereka pada hari itu sama ada sihat atau tidak.

Jika pekerja tidak sihat dan mempunyai simptom Covid-19, pihak sumber manusia akan memberi bantuan sepatutnya demi kebaikan mereka.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Jenazah ayahanda Tengku Permaisuri Selangor selamat dikebumi
Muka Surat	:	25

Jenazah ayahanda Tengku Permaisuri Selangor selamat dikebumi

SHAH ALAM - Jenazah ayahanda Tengku Permaisuri Selangor, Abdul Rahman Baba yang meninggal dunia awal pagi Selasa pada usia 89 tahun selamat dikebumi di Makam Diraja Shah Alam, Seksyen 5 dekat sini pada jam 2.45 petang Selasa.

Jenazah Allahyarham tiba di makam diraja pada jam 1.30 petang selepas dimandi dan dikafankan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Solat jenazah dilakukan di masjid sama selepas waktu zuhur.

Turut berangkat ke upacara pengebumian itu ialah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Hadir sama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri

Mohamed Azmin Ali yang juga bekas Menteri Besar Selangor, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dan Pemangku Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan.

Abdul Rahman meninggal dunia kerana sakit tua di kediamannya di Seksyen 13 pada jam 3.40 pagi.

Terdahulu, Amirudin dalam kenyataan pada Selasa turut mengucapkan salam takziah kepada Sultan Sharafuddin dan Tengku Permaisuri Norashikin.

"Patik mewakili seluruh rakyat Selangor mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh ALLAH SWT, diampunkan dosa dan ditempatkan dalam kalangan mukmin yang soleh serta mendapat husnul khatimah. Al-Fatihah," katanya. *-Bernama*



FOTO: BERNAMA

Sultan Sharafuddin Idris Shah (kanan) berkenan memerhatikan Tengku Permaisuri Norashikin (dua dari kanan) menyiram air mawar ke atas pusara ayahandanya Abdul Rahman Baba yang selamat dikebumikan di Makam Diraja Shah Alam pada Selasa.



KERATAN AKHBAR
21 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PPAS anjur World #QuranHour konsep hibrid
Muka Surat	:	25

PPAS anjur World #QuranHour konsep hibrid

Kehadiran peserta digabungkan secara fizikal dan maya

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) tampil menentengahkan konsep hibrid dalam peng-anjuran World #QuranHour 1442 Hijrah/2021 di perpustakaan itu pada 6 Mei depan.

Pengarah PPAS, Datin Paduka Mastura Muhamad berkata, konsep hibrid itu menggabungkan kehadiran peserta secara fizikal dan maya dengan mengambil kira situasi Covid-19 yang masih berlarutan.

“Tahun ini masuk tahun keenam kita bergelar rakan sinergi program World #QuranHour dan buat julung kalinya kita perkenalkan konsep hibrid.

“Dengan konsep baharu ini, kita harap ia beri kesan yang mendalam lebih-lebih lagi apabila program ini turut berkonsepkan tadabbur,” katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di PPAS.

Mengulas lanjut, Mastura berkata, program itu dijangka melibatkan kira-kira 1,000 kehadiran fizikal ia itu pegawai, kakitangan dan jempu-tan luar serta 500 peserta dalam tali-an.



Mastura (tengah) bersama pegawai dan kakitangannya menunjukkan plakad program World #QuranHour yang akan berlangsung pada 6 Mei depan.

Beliau memberitahu, jumlah kehadiran fizikal melibatkan kapasiti separuh perpustakaan sebagaimana prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

“Perpustakaan Negara menjadikan program World #QuranHour ini sebagai program tahunan sejak 2015 jadi semua perpustakaan utama juga akan menganjurkan program ini pada 6 Mei nanti dan akan menentengahkan konsep hibrid juga.

“Pada hari berkenaan semua peserta akan mengaji al-Quran secara serentak dari jam 12 hingga 1 tengah hari dan ia akan diakhiri dengan solat Zohor,” katanya.

Sementara itu, Mastura membe-ritahu, penganjuran World #QuranHour di perpustakaan itu setiap tahun memberi impak cukup besar apabila ia kini sudah menjadi budaya di PPAS.

“Setiap hari warga PPAS akan

baca al-Quran beramai-ramai selama setengah jam setiap pagi.

“Malahan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, kita tetap teruskan baca al-Quran tetapi secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Zoom dari jam 8.45 hingga 9.15 pagi,” katanya.

Susulan itu, Mastura berharap penganjuran World #QuranHour yang digerakkan Yayasan Warisan Ummah Ikhlas benar-benar mencapai sasaran agar ‘umat Islam’ tidak lagi dianggap sebagai singa yang tidur.

“Kita harap World #QuranHour ini bukan sahaja disertai umat Islam di Malaysia tetapi seluruh dunia termasuk di Timur Tengah.

“Ia kerana apabila bacaan al-Quran ini bergema serentak di seluruh dunia, maka umpamanya (umat Islam) akan jadi singa yang tidak tidur lagi,” katanya.



KERATAN AKHBAR 21 April 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MDKS pandang serius lukisan mencolok mata
Muka Surat	:	26

MDKS pandang serius lukisan mencolok mata

Pelukis diarah siapkan bahagian sensitif dalam tempoh tiga jam

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) memandang serius dakwaan pelayar media sosial berhubung lukisan mencolok mata di Sungai Buloh di sini yang tular di media sosial.

MDKS dalam kenyataannya berkata, maklumat awal yang diterima pada jam 7 malam Isnin adalah lukisan tersebut masih dalam 20 peratus proses lakaran

tetapi telah terlebih dahulu tular di media sosial.

Sehubungan itu, MDKS telah mengarahkan pelukis berkenaan menyiapkan bahagian yang sensitif dengan kadar segera dalam tempoh tiga jam.

“Lukisan itu disempurnakan pada jam 10 malam, 40 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya sebelum 26 April 2021,” kata MDKS dalam satu kenyataan pada Selasa.

MDKS dalam kenyataannya itu turut memberi amaran tegas terhadap mana-mana pihak supaya lebih berhati-hati dalam penghasilan karya seni.

“Mana-mana penggiat seni perlu sentiasa berhati-hati dan menjaga sensitiviti budaya tempatan dalam penghasilan karya seni selain merujuk kepada MDKS terlebih dahulu,” katanya.



MDKS memandang serius dakwaan pelayar media sosial mengenai gambar lukisan mencolok mata di Sungai Buloh Jeram yang tular di media sosial.

Sebelum ini tular lukisan dinding tiga wanita bogel di Sungai Buloh Jeram di sini pada Isnin. Bagaimanapun, selepas

dikecam, lukisan itu kemudian diubah dengan menukar mural wanita terbabit memakai baju tidur tetapi masih dianggap seksi oleh masyarakat.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
21 April 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	3

COUNCIL MATTERS

- > Sepang Municipal Council is reminding the public to clear the parking area along Jalan Lingkaran Dagang Mas every Wednesday to give way to the Taman Mas Night Market. Night market operation hours are from 2pm to midnight.
- > Petaling Jaya City Council will provide incentives in the form of RM10 coupons to visitors who bring their own food and beverage containers or recycled bags to Ramadan bazaars under its purview. Offer until May 9.
- > In lieu of the current weather changes, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is urging residents to look out for flash floods in their respective areas. For emergencies call 03 40244424 (DBKL Operations Room).
- > Shah Alam City Council welcomes residents to drop off their electrical and electronic waste at the MBSA Recycling Centre at Section U2 in Shah Alam from 8.30am to 11.30am on April 24 in exchange for cash. For details and payment rates, go to MBSA's social media pages.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
